



Pastikan Benar Bernama.com

MENU

BERITA AM

Sistem tadahan air hujan memanfaatkan lebih 1,800 penghuni blok 1 Desa Mentari

Tarikh kemaskini: 21/07/2018

PETALING JAYA, 21 Julai (Bernama) -- Penduduk Blok 1, Desa Mentari di sini kini boleh menikmati bekalan air tambahan menerusi sistem tadahan air hujan yang dibina di kawasan perumahan berkenaan.

Tangki yang dianggarkan mampu menadah kira-kira sejuta liter air hujan setahun boleh memanfaatkan lebih 1,800 penghuni untuk kegunaan umum seperti pembersihan, perkebunan dan pengairan semasa ketandusan hujan.

Projek fasa ketiga hasil kerjasama Yayasan SPARK dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Global Environment Centre (GEC) itu merupakan satu daripada inisiatif di bawah projek W.A.T.E.R (Working Actively Through Education and Rehabilitation).

Bagi menerajui usaha perlindungan sumber air di bawah projek W.A.T.E.R, pemegang amanah Yayasan SPARK, Renuka Indrarajah berkata pihaknya menyumbang RM2.5 juta untuk tempoh tiga tahun akan datang bagi membiayai program-program pendidikan dan pelbagai inisiatif strategik yang berterusan.

"Kami percaya kerjasama rapat daripada rakan-rakan pelaburan dan pendekatan melalui pendidikan kepada komuniti mampu membawa perubahan sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap pemeliharaan sumber air," katanya pada majlis pelancaran Agenda Perlindungan Air 2018-2020 di sini, hari ini.....